

01/12/1997

Tiga negara hantar kapal selam

LANGKAWI, Ahad - Peserta Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) mula tiba di pulau pelancongan ini untuk menyertai pameran selama enam hari mulai Selasa ini.

Penyertaan terbaru ialah tiga kapal selam masing-masing dari Russia, Perancis dan Turki. Ketiga-tiga kapal selam tentera laut negara berkenaan tiba pagi ini.

Walaupun pameran kali ini dikejutkan dengan kematian seorang pegawai syarikat yang terbabit dalam pameran bahagian maritim pagi ini, persiapan Lima 97, iaitu kali keempat selepas Lima pertama pada 1991 berjalan lancar.

Turut menyertai Lima kali ini ialah pasukan aerobatik Red Arrow Tentera Udara Diraja Britain yang tiba semalam. Pasukan berkenaan yang pertama kali menyertai Lima '95 bukan sahaja menarik minat pengunjung awam pameran, malah di kalangan pegawai syarikat antarabangsa yang menyertai pameran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut berminat dengan keupayaan pasukan itu membentuk pelbagai formasi menarik di udara dua tahun lalu.

Buat pertama kali, penganjuran Lima '97 diserahkan kepada dua syarikat - Le Proton LIMA Sdn Bhd (Le Proton) untuk bahagian udara dan Huswah Exhibition Services Sdn Bhd (Huswah) untuk bahagian maritim.

Pada pameran 1991, 1992 dan 1995, Le Proton mengendalikan keseluruhan pameran. Pameran udara akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di Padang Mat Sirat, manakala pameran maritim di Jeti Star Cruise, di Tanjung Malai yang baru siap dibina.

Hari ini, kedua-dua penganjur dan peserta pameran membuat persiapan terakhir bagi memastikan pameran yang bakal dirasmikan Dr Mahathir pada pagi Selasa lebih meriah dan menarik.

(END)